

Rujukan: (15)dlm.KKM-171BKP/07/35/0519 Jld.3

Tarikh: 25 Jun 2010

SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 19/2010

PELALIAN VAKSIN INFLUENZA BERMUSIM DI MALAYSIA

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan pelalian vaksin influenza bermusim untuk mencegah dan mengawal penularan jangkitan Pandemik Influenza di Malaysia.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pandemik Influenza H1N1 Bil. 2/2010 pada 8 Jun 2010 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah mengambil maklum perkara berikut;

- 2.1. Penularan jangkitan pandemik influenza H1N1 masih aktif di peringkat antarabangsa dan di Malaysia.
- 2.2. Penggunaan vaksin telah dikenalpasti sebagai satu strategi mencegah kejadian penyakit dan telah dimasukkan ke dalam Pelan Kesiapsiagaan Pandemik Influenza Kebangsaan. Program pelalian vaksin influenza bermusim kepada petugas barisan hadapan telah dimulai sejak tahun 2007.
- 2.3. Pada tahun 2010 petugas barisan hadapan telah diberikan pelalian vaksin pandemik H1N1 selepas Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan kejadian pandemik influenza H1N1.

- 2.4. Vaksin pandemik H1N1 juga telah diberikan kepada orang awam daripada kumpulan sasaran berkeutamaan mengikut dasar '*first come, first serve*'.
- 2.5. Secara keseluruhannya, sehingga 7 Jun 2010, sebanyak 350,000 dos vaksin pandemik H1N1 telah diberikan dengan pecahan penerimaan 45% orang awam daripada kumpulan sasaran berkeutamaan; 29% petugas barisan hadapan anggota KKM dan 26% merupakan petugas hadapan bukan anggota KKM.

3. VAKSIN INFLUENZA BERMUSIM

- 3.1 WHO telah mengesyorkan penggunaan vaksin influenza bermusim formulasi Hemisfera Selatan 2010 yang mengandungi komponen virus pandemik H1N1 2009 serta dua lagi strain virus influenza.
 - i. an A/California/7/2009 (H1N1)-like strain
 - ii. an A/Perth/16/2009 (H3N2)-like strain
 - iii. a B/Brisbane/60/2008-like strain
- 3.2 Terdapat tiga jenama vaksin influenza bermusim yang telah berdaftar dengan Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan Malaysia iaitu *Vaxigrip*, *Begrivac* dan *Influvac*.
- 3.3 Vaksin influenza bermusim kini telah tersenarai di dalam Formulari Ubat KKM.

4. KEPUTUSAN

Mesyuarat telah mengambil keputusan dan bersetuju agar langkah-langkah berikut untuk diambil tindakan;

- 4.1 Pelalian vaksin influenza bermusim tidak perlu diberikan kepada petugas barisan hadapan untuk tahun 2010. Ini kerana mereka telah mendapatkan pelalian vaksin influenza bermusim formulasi Hemisfera Selatan 2009 dan juga vaksin monovalen pandemik H1N1 pada tahun 2010.

- 4.2 Pelalian vaksin influenza bermusim adalah digalakkan pengambilannya oleh orang awam yang terdiri daripada kumpulan yang mempunyai faktor risiko mendapat komplikasi jangkitan influenza (seperti ibu hamil, obesiti, kanak-kanak, mereka yang mempunyai penyakit kronik dan golongan imuniti rendah).
- 4.3 Semua fasiliti kesihatan swasta digalakkan menyediakan perkhidmatan pelalian vaksin influenza bermusim di fasiliti mereka bagi memudahkan orang ramai memperoleh vaksin tersebut.
- 4.4 Fasiliti KKM juga boleh membeli atau dan menyimpan stok vaksin influenza bermusim mengikut keperluan masing-masing dengan menggunakan peruntukan sedia ada jika memerlukan.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada;

Pengarah Kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 8, Blok E10
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel: 03-88810200/ 0300
E-mel: cprc_h1n1@moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan
Teknikal)
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Universiti,
46350 Petaling Jaya, Selangor

Pengarah Kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan
Jalan Pahang
50588 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri Perlis
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas,
01000 Kangar, Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Jalan Sultanah,
05350 Alor Star, Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 37, Komtar,
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri Perak
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh, Perak

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9,10 & 11 Wisma Sunwaymas
Lot 1 Jalan Persiaran Kayangan
40100 Shah Alam, Selangor

Pengarah Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Kompleks Pejabat-pejabat Kesihatan
Jalan Cenderasari,
50490 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Lee Sam,
75090 Seremban, Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri Melaka
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri Johor
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 4, Blok B , Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek,
80590 Johor Bharu, Johor

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Tingkat 12, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
29200 Kuala Terengganu, Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam,
15590 Kota Bahru, Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Tun Abang Hj. Openg
93590 Kuching, Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 1, Rumah Persekutuan
Peti Surat No. 11290
88814 Kota Kinabalu, Sabah

Pengarah Kesihatan WP Labuan
WDT No.51,
87000 Labuan, Sabah

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Blok E3, Kompleks E
62505 Putrajaya

Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia
Kementerian Pertahanan Malaysia
Tingkat 12, Menara Mega Arena II
Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Imigresen Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
No 15, Persiaran Perdana, Presint 2
62550 Putrajaya

Ketua Pengarah Bomba & Penyelamat
Jabatan Bomba & Penyelamat
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan
Lebuh Wawasan, Presint 2
62550 Putrajaya

Ketua Polis Negara
Pasukan Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Pengarah
Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian, Kelantan

Presiden
Persatuan Perubatan Malaysia
Tingkat 4, Bangunan MMA
124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Presiden
Akademi Kedoktoran Keluarga Malaysia
Bilik 6, Tingkat 5 Bangunan MMA
124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Hospital Swasta Malaysia
Suite 50, Tingkat 4 Pusat Perubatan Pantai
8, Jalan Bukit Pantai
59100 Kuala Lumpur.

Presiden
Pertubuhan Doktor-Doktor Primary Care Malaysia (PCDOM)
2 Jalan SS3/31 University Garden
47300 Petaling Jaya